

**Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,
YBrS/Dr./ Ir./ Ts./ Tuan/Puan,
Hebahan koleksi keratan akhbar terpilih minggu ini untuk makluman dan rujukan.**

1.	TAJUK	RM289,000 KOS URUS 410 TAN SAMPAH SISA BANJIR DI TIGA DAERAH DI PAHANG
	SUMBER	BH (5 JANUARI 2026)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	17 (NASIONAL)

RM289,000 kos urus 410 tan sampah sisa banjir di tiga daerah di Pahang

Kuantan: Sebanyak 410 tan sampah atau sisa terkumpul selepas banjir akhir tahun lalu yang membabitkan kos pengurusan kira-kira RM289,000.

Pengarah Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) Pahang, Mohd Rohaidy Zulkifli, berkata sebanyak 116 kawasan di daerah ini, Pekan dan Maran terjejas banjir; 40 kawasan terletak dalam kawasan perkhidmatan SWCorp, manakala 76 kawasan luar kawasan perkhidmatan.

Katanya, semua kerja mengumpul, mengumpul dan memindahkan sampah sisa banjir ke tapak pelupusan Jabor, dilaksanakan oleh Alam Flora Sdn Bhd selama lima hari selepas kejadian banjir pada 17 dan 18 Disember tahun lalu.

Antara sisa banjir yang banyak dibuang membabitkan perabot, sofa, tilam, buku serta pelbagai peralatan elektrik yang rosak akibat ditenggelami air dalam tempoh beberapa jam.

Guna logistik sedia ada

Sisa banjir berkenaan dipindahkan ke dua tapak pengumpulan sementara di kawasan Perumahan Awam Kos Rendah Pandan



Kakitangan pembersihan mengumpul sisa pepejal di tapak pengumpulan sementara sampah banjir di Sungai Isap Damai, Kuantan, baru-baru ini. (Foto Mohd Rafi Mamat/BH)

dan Sungai Isap Damai, di sini. "Kos membabitkan penggunaan lori dan pelbagai jentera termasuk jengkaut selama lima hari sebanyak RM193,000, upah pekerja yang dibahagikan kepada beberapa kumpulan mencecah RM76,600.

"Untuk kelancaran operasi SWCorp Pahang mengekalkan penggunaan logistik sedia ada tanpa menjejaskan operasi kutipan harian, di samping menggerakkan tenaga kerja tambahan dari daerah lain bagi membantu kawasan terjejas teruk," kata

nya, di sini semalam. Sebanyak 50 unit jentera termasuk lori pelbagai saiz serta jengkaut membabitkan 172 pekerja melakukan kerja pembersihan di kawasan perumahan dan kampung tiga daerah berkenaan.

2.	TAJUK	HAKISAN TERUS ANCAM PENDUDUK
	SUMBER	BH (8 JANUARI 2026)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	30 (NASIONAL)

Hakisan terus ancam penduduk

Satu lagi bahagian di Jalan Kampung Tanjung berdepan ancaman

Oleh Nazdy Harun
bhnews@bh.com.my

Kuala Nerus: Ombak besar dan angin kencang serta air pasang besar sejak beberapa hari lalu mengakibatkan satu lagi bahagian di Jalan Kampung Tanjung berdepan hakisan.

Penduduk, Manan Ali, 72, berkata kejadian terbaharu hakisan terletak kira-kira 300 meter dari tapak hakisan lama yang meranapkan benteng jalan itu.

Beliau berkata, hakisan itu jika tidak ditangani akan mengakibatkan runtuh jalan berikutan ombak besar yang membadai pantai ketika Monsun Timur Laut ketika ini.

Katanya, hakisan sejak akhir tahun lalu dan kerja memasang struktur besi sedang dilakukan bagi menghalang hakisan terus meruntuhkan



Keadaan hakisan yang menghampiri jalan utama dan bucu pagar banglo biru di Kampung Tanjung, Kuala Nerus.



(Foto Nazdy Harun/BH)

struktur jalan utama.

"Hakisan di kampung ini memerlukan baik pulih menyeluruh kerana selepas dibaiki satu kawasan, kawasan lain pula 'dimakan' ombak.

"Kejadian ini banyak merosakkan infrastruktur, kedai, manan dan kedai milik penduduk," katanya.

Manan berkata, beliau kehilangan tanah yang menjadi tapak menjual sotong dan ikan kering yang kini sudah menjadi sebahagian dari laut.

Seorang lagi penduduk, Mansor Saman, 68, berkata ramai penduduk kehilangan rumah atau kedai sejak beberapa tahun ini akibat hakisan berkenaan.

"Jalan pesisir pantai juga lenyap ditelan ombak akibat hakisan teruk. Sebelum ini, jalan utama di kampung ini jaraknya jauh dari pantai," katanya.

Hampir dengan jalan utama
Sementara itu, pemilik banglo biru, Mohd Yazit Idris, 67, berkata, hakisan terbaharu berlaku

di bucu pagar rumahnya dan hakisan itu dilihat sudah hampir dengan jalan utama.

"Hakisan teruk sebelum ini meruntuhkan jalan utama yang terletak kira-kira 300 meter dari lokasi hakisan terbaharu dan jika tidak ditangani akan mengakibatkan jalan berkenaan juga akan runtuh," katanya.

3.	TAJUK	TOMPOKAN BUIH MUNCUL, AIR SUNGAI BERTUKAR HITAM
	SUMBER	BH (10 JANUARI 2026)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	20 (NASIONAL)

Nasional Sabtu, 10 Januari 2026



Wakil JAS, JPS dan Pejabat Daerah Segamat meninjau air Sungai Siput yang menjadi kehitaman. Gambar kanan menunjukkan buih putih pada permukaan sungai. (Foto: Ihsan Pejabat Ahli Parlimen dan tular)

Tompokan buih muncul, air sungai bertukar hitam

Penduduk bimbang guna sumber untuk pertanian sejak kilang sawit dibina

Oleh Alias Abd Rani ahnews@bh.com.my

Segamat: Kemunculan buih putih dan air bertukar kehitaman di sepanjang anak Sungai Siput, dekat Batu 16, di sini, membimbangkan penduduk yang menuntut pihak berkuasa menyalasat dan mengambil tindakan segera mengenainya.

Keadaan itu yang berlarutan sejak bulan lalu menyebabkan penduduk bimbang menggunakan sumber itu untuk aktiviti pertanian.

Cheong Jian Zhong, 50, mendakwa perkara itu berlaku sejak kilang sawit dibina berdekatan kawasan berkenaan yang menyebabkan masalah pencemaran mula timbul.

Bellau berkata, beberapa hari lalu, air sungai bertukar kehitaman dan tarut dipenuhi buih putih.

"Sebelum ini, kejadian air sungai bertukar hitam juga pernah berlaku, malah tanah di dasar sungai juga tarut hitam. Ada kalanya, lapisan minyak kelihatan terapung di permukaan air.

"Sejak itu, pemilik kebun tidak berani menggunakan air sungai bagi tujuan pengairan, sekali gus menjejaskan operasi harian. Ia bermula hujung tahun lalu tetapi kemunculan buih putih ini kali pertama berlaku.

"Disebabkan itu, saya tidak berani menggunakan air sungai untuk aktiviti di kebun, sebaliknya terpaksa mengangkut air dari rumah," katanya ketika dihubungi.

Jian Zhong berkata, anak sungai itu bersambung Sungai Labis di Kampung Labis sebelum mengalir ke Sungai Siput.

Minta JAS, JPS salasat

Sementara itu, Ahli Parlimen Segamat, R Yuneswaran, meminta Jabatan Alam Sekitar (JAS) serta Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) menjalankan siasatan lanjut serta mengemukakan laporan lengkap kepadanya dalam masa terdekat.

Bellau yang tarut meninjau anak sungai itu semalam, berkata isu ini perlu dipandang serius kerana bukan saja membabitkan penduduk, malah menjejaskan kelestarian alam sekitar.

"Video dirakam sebelum ini jelas memaparkan aliran air yang bukan saja berwarna hitam, malah berbuih di permukaannya yang terus mengalir ke sungai berhampiran," katanya.

Difahamkan, JAS juga sudah mengambil sampel air sungai terbut untuk dianalisa dengan keputusannya dijangka diketahui dalam tempoh sebulan.

4.	TAJUK	SEKTOR AIR, TENAGA NEGARA CATATKAN KEJAYAAN SIGNIFIKAN
	SUMBER	BH (10 JANUARI 2026)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	20 (NASIONAL)

Syarikat kitar semula plastik terpakai didenda RM100,000

Shah Alam: Syarikat kitar semula plastik terpakai didenda RM100,000 di Mahkamah Sesyen Klang, atas kesalahan menempatkan buangan terjadual tanpa kelulusan, enam tahun lalu.

Syarikat Golden Mile Plastic Resources Sdn Bhd yang diwakili pengarahnya mengaku bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Sharifah Hascindie Syed Omar.

Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Selangor, Datuk Wandi Yadzid Yaakob, berkata

berdasarkan fakta kes pihaknya menjalankan pemeriksaan di premis terbabit pada 29 Jun 2020 di Jalan Sungai Jati, Klang.

“Pemeriksaan menemui lam-bakan serkap plastik dengan serpihan papan litar elektronik yang dikategorikan sebagai bahan terjadual kod SW110 di kawasan penerimaan bahan mentah dalam premis.

“Semakan lanjut mendapati syarikat ini tidak mempunyai sebarang kelulusan daripada

JAS untuk menempatkan buangan terjadual dalam premis,” katanya dalam kenyataan.

Wandi Yadzid berkata, pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 34B(1)(a) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Beliau berkata, JAS memohon mahkamah menjatuhkan hukuman yang setimpal supaya menjadi pengajaran kepada syarikat serta pemain industri lain untuk tidak sewenang-wenangnya menempatkan buangan terjadual tanpa kelulusan jabatan.

JAS memohon mahkamah menjatuhkan hukuman yang setimpal supaya menjadi pengajaran kepada syarikat serta pemain industri lain

Wandi Yadzid Yaakob,
Pengarah
JAS
Selangor



Sekiranya YBrs/ Dr./ Ir./ Ts. /Tuan/Puan, memerlukan maklumat lanjut, hubungi
Unit Perpustakaan EiMAS di emel berikut:

1. Haslinda Binti Mustafa (haslindamustaffa@doe.gov.my)
2. Jamilah Binti Abdullah (jamilah@doe.gov.my)
3. Azrawirda Zarza Binti Aznan (zarza@doe.gov.my)

**Perpustakaan Enviro Digital@Eimas
Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS)
Jabatan Alam Sekitar
Kampus Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
43600 UKM Bangi, Selangor**